



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

MEREVOLUSIKAN TEKNIK PENYAMPAIAN FILEM DOKUMENTARI

Noorarzrin Mohd Peridar

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Sinematografi)
2010

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: **MEREVOLUSIKAN TEKNIK PENYAMPAIAN FILEM
DOKUMENTARI**

SESI PENGAJIAN: 2009/2010

Saya, **NOORARZRIN BT MOHD PERIDAR**

mengaku membenarkan tesis * ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik,
Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. ** sila tandakan (✓)

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

NOORARZRIN MOHD PERIDAR
(PENULIS)

PUAN CANDIDA JAU EMANG
(PENYELIA)

Alamat Tetap:
S/L 14, Jalan Datuk Mohd Musa,
Lorong 12B, Desa Ilmu Phase 2,
94300, Kota Samarahan,
Sarawak.

Tarikh : _____

Tarikh: _____

Catatan: * Tesis/ Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana Muda
** Jika Tesis/ Laporan SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisas
berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/ laporan ini perlu dikelaskan sebagai
SULIT atau TERHAD

Projek bertajuk '**Merevolusikan Teknik Penyampaian Filem Dokumentari**' telah disediakan oleh Noorazrin Bt Mohd Peridar dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Sinematografi)

Diterima untuk diperiksa oleh:

Puan Candida Jau Emang,
Penyelia

Tarikh:

PENGHARGAAN

Lafaz syukur *Alhamdulillah*, akhirnya projek ini dapat disiapkan dalam jangkamasa yang telah ditetapkan. Syukur ke hadrat Illahi kerana memberikan saya kekuatan dan hidayah dalam menyempurnakan penulisan akademik.

Pada kesempatan ini, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia projek tahun akhir saya, Puan Candida Jau Emang di atas segala bimbingan, tunjuk ajar, kesungguhan dan keprihatinan beliau dalam membimbing dan menyelia penulisan ilmiah ini. Tidak lupa juga kepada Cik Teo Miaw Lee dan Dr. Nur Afifah Vanitha Abdullah yang turut membantu memberi dorongan dan cadangan yang membina dalam menyempurnakan penulisan ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga saya tujukan kepada kedua ibubapa yang tercinta dan seluruh ahli keluarga di atas doa, restu dan dorongan yang diberikan. Setinggi penghargaan kepada sahabat handai yang turut sama berganding bahu menyiapkan projek ini. Jasa yang ditaburkan amatlah dihargai dan Tuhan sahaja yang dapat membalasnya.

Akhir sekali, sekalung budi dan terima kasih buat semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dan juga kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif. Semoga kalian semua mendapat rahmat dari Illahi. InsyaAllah.

Sekian, wassalam.

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	iii	
Kandungan	iv	
Senarai Jadual	viii	
Abstrak		
<i>Abstract</i>		
1. BAB 1 PENDAHULUAN		
1.0	Pendahuluan	8-9
1.1	Latar Belakang Kajian	10-12
1.2	Penyataan Masalah	13
1.3	Objektif Kajian	14
1.4	Persoalan Kajian	15
1.5	Kepentingan Kajian	15-16
1.6	Skop Kajian	17
	1.6.1 Subjek	18
	1.6.2 Kumpulan sasaran	19
	1.6.3 <i>Modes dan conventions</i>	19
1.7	Skop Projek	20
	1.7.1 Gendang Melayu Sarawak	21
	1.7.2 Objektif	22
2. BAB 2 SOROTAN KAJIAN		
2.0	Pengenalan	23
2.1	Fahaman dan pemerhatian terhadap dokumentari	24-25
2.2	Teknik suntingan mempengaruhi struktur naratif dan bentuk (form) dokumentari.	26-28
2.3	Gaya pengarahan mempengaruhi persepsi penonton	28-29

2.4	Kesimpulan	30-31
-----	------------	-------

3. BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	32
3.1	Kaedah pengumpulan data	33
3.2	Perkembangan Era Dokumentari	
3.2.1	Sejarah awal perkembangan dokumentari.	33-34
3.2.2	Pertengahan perkembangan dokumentari.	35
3.2.2	Dokumentari selepas 1945-1952	36
3.2.3	Perkembangan teknologi dalam penyampaian dokumentari	37
3.3	Kajian melalui Kualitatif	
3.3.1	Kaedah Pemerhatian melalui Analisa Filem (Content analysis)	37
3.3.2	Filem " <i>The Big Durian</i> ".	38-39
3.3.2	Filem " <i>Sicko</i> ".	40-41
3.3.2	Filem " <i>Exploring Einstein: Life of a Genius</i> ".	42
3.3	Kerangka Konseptual melalui proses suntingan.	43
3.4	Kesimpulan	44-45

4. BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN PROJEK TAHUN AKHIR

4.0	Pengenalan	46
4.1	Dapatan kajian analisa filem	
4.1.1	Dapatan daripada filem " <i>The Big Durian</i> "	47
4.1.2	Dapatan daripada filem " <i>Sicko</i> "	48-49

4.1.3	Dapatan daripada filem “ <i>Exploring Einstein: Life of a genius</i> ”.	50
4.2	<i>Modes dan conventions</i>	51
4.3	Isu Semasa	52
4.4	Pengalaman projek tahun akhir	53-54
4.5	Konsep	55
4.6	Objektif Projek Tahun Akhir.	56
4.7	Premis	56
4.8	Sinopsis	57
4.9	Kesimpulan	57

5. BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0	Pengenalan	59
5.1	Perbincangan hasil dapatan kajian	59
5.2	Perbincangan perkembangan dokumentari kontemporari di Malaysia	60-61
5.3	Kesimpulan	62
5.4	Cadangan	63

BIBLIOGRAFI

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	iii	
Kandungan	iv	
Senarai Jadual	viii	
Abstrak		
<i>Abstract</i>		
1. BAB 1 PENDAHULUAN		
1.0	Pendahuluan	8-9
1.1	Latar Belakang Kajian	10-12
1.2	Penyataan Masalah	13
1.3	Objektif Kajian	14
1.4	Persoalan Kajian	15
1.5	Kepentingan Kajian	15-16
1.6	Skop Kajian	17
	1.6.1 Subjek	18
	1.6.2 Kumpulan sasaran	19
	1.6.3 <i>Modes dan conventions</i>	19
1.7	Skop Projek	20
	1.7.1 Gendang Melayu Sarawak	21
	1.7.2 Objektif	22
2. BAB 2 SOROTAN KAJIAN		
2.0	Pengenalan	23
2.1	Fahaman dan pemerhatian terhadap dokumentari	24-25
2.2	Teknik suntingan mempengaruhi struktur naratif dan bentuk (form) dokumentari.	26-28
2.3	Gaya pengarahan mempengaruhi persepsi penonton	28-29

2.4	Kesimpulan	30-31
-----	------------	-------

3. BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	32
3.1	Kaedah pengumpulan data	33
3.2	Perkembangan Era Dokumentari	
3.2.1	Sejarah awal perkembangan dokumentari.	33-34
3.2.2	Pertengahan perkembangan dokumentari.	35
3.2.2	Dokumentari selepas 1945-1952	36
3.2.3	Perkembangan teknologi dalam penyampaian dokumentari	37
3.3	Kajian melalui Kualitatif	
3.3.1	Kaedah Pemerhatian melalui Analisa Filem (Content analysis)	37
3.3.2	Filem " <i>The Big Durian</i> ".	38-39
3.3.2	Filem " <i>Sicko</i> ".	40-41
3.3.2	Filem " <i>Exploring Einstein: Life of a Genius</i> ".	42
3.3	Kerangka Konseptual melalui proses suntingan.	43
3.4	Kesimpulan	44-45

4. BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN PROJEK TAHUN AKHIR

4.0	Pengenalan	46
4.1	Dapatan kajian analisa filem	
4.1.1	Dapatan daripada filem " <i>The Big Durian</i> "	47
4.1.2	Dapatan daripada filem " <i>Sicko</i> "	48-49

4.1.3	Dapatan daripada filem “ <i>Exploring Einstein: Life of a genius</i> ”.	50
4.2	<i>Modes dan conventions</i>	51
4.3	Isu Semasa	52
4.4	Pengalaman projek tahun akhir	53-54
4.5	Konsep	55
4.6	Objektif Projek Tahun Akhir.	56
4.7	Premis	56
4.8	Sinopsis	57
4.9	Kesimpulan	57

5. BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0	Pengenalan	59
5.1	Perbincangan hasil dapatan kajian	59
5.2	Perbincangan perkembangan dokumentari kontemporari di Malaysia	60-61
5.3	Kesimpulan	62
5.4	Cadangan	63

BIBLIOGRAFI

SENARAI JADUAL

Jadual 3

Editing: The process of refinement

Directing the Documentary (Michael Rabiger, 1998) 43

Jadual 4

Hasil kajian dan pemerhatian melalui Filem dokumentari Palu' 58

ABSTRAK

MEREVOLUSIKAN TEKNIK PENYAMPAIAN FILEM DOKUMENTARI

Noorarzrin Mohd Peridar

Kajian ini bertujuan untuk melihat kemungkinan dalam memperkenalkan dan merumuskan suatu bentuk baru terhadap struktur yang akan disampaikan melalui pelbagai kombinasi *mode* dan *convention* dokumentari. Kebiasaanya, dokumentari ditakrifkan sebagai “fakta, realistik dan dilaksanakan untuk sesebuah filem atau karya sastera yang berdasarkan kepada peristiwa yang sebenar atau keadaan yang bertujuan sebagai pengajaran dan rekod rujukan”. (Griersonianism, OED 1989). Walau bagaimanapun, kemajuan teknologi dan pengetahuan menjadikan ia lebih kompleks dan menyebabkan pengarah filem dokumentari cenderung untuk mengaplikasikan gaya penyampaian tersendiri. Kebanyakan dokumentari konvensional dilihat menggunakan *mode* (expository) yang sama dan tidak membawa pembaharuan kepada dokumentari pada masa kini. Persepsi penonton terhadap isu yang dipaparkan dapat dipengaruhi dengan merevolusikan teknik aplikasi *mode* dan *convention* yang secara langsung mempengaruhi bentuk (form), struktur, dan konteks dokumentari itu sendiri. Bentuk (form) dan struktur di dalam dokumentari mampu berubah apabila konsep pengarah dan penyuntingan diubahsuai bagi memenuhi kehendak pengarah dalam menghasilkan filem dokumentari. Oleh itu, pengaplikasian teknik pengarah dan penyuntingan mempengaruhi pembentukan terhadap bentuk (form), struktur dan konteks naratif di dalam menyampaikan filem dokumentari.

ABSTRACT

REVOLUTIONIZING THE TECHNIQUE OF DOCUMENTARY FILM PRESENTATION

Noorarzrin Mohd Peridar

This study aims to look at the possibility of introducing and developing a new form of structure that will be presented through various combination of modes and conventions of documentaries. Usually, documentary is defined as “factual, realistic, applied esp. to a film or literary work, etc., based on real events or circumstances, and intended primarily for instruction or record purposes” (Griersonianism, OED 1989). However, the advancement of technologies and knowledge has made it more complex. Hence, the documentary filmmaker tends to personalize their film based on personal values and self-expression. Nowadays, most conventional documentary are viewed using the same mode and does not bring reform to the documentary. The audiences' perception on issues presented can be influenced by revolutionizing the application and convention technique which directly affect the form, structure and the context of the documentary itself. Revolutionary alternative techniques of modes and conventions of the documentary could be applied by form, structure and context of the documentary on the perceptions of viewers. The form and structure in a documentary could change when the directing and editing concept are modified to fulfill the director's needs in generating documentary film. Therefore, the application of directing and editing techniques affect the formation of a form, the structure and the narrative context in the documentary film presentation.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Dokumentari merupakan antara jenis filem terawal dihasilkan di Malaysia iaitu sekitar tahun 1920-an. Selain filem pendek, dokumentari juga biasanya mengambil masa tayangan yang singkat berbanding filem cereka dan ia juga biasanya tidak dihasilkan untuk tayangan di pawagam. Dokumentari bersifat merakamkan sesuatu peristiwa atau tajuk-tajuk khusus yang dilihat penting dan bakal menjadi bahan sejarah sesebuah negara. Dokumentari juga menjadi bahan kajian ilmiah dan sumber rujukan alternatif selain bahan-bahan bacaan yang sering menjadi rujukan utama. Berikut merupakan antara filem dokumentari tempatan yang paling awal diterbitkan: (sinemamalaysia.com)

- a) Malayan Motor Roads (1920)

b) *Memories of Malacca* (1921)

c) *Malay Nights* (1931)

Pada tahun 1894, Pierre Jules Cesar Janssen ingin merakamkan fenomena alam di mana Venus bertembung bersebelahan dengan matahari. Untuk tujuan itu, beliau mencipta “revolver photographer” iaitu sebuah kamera yang menyerupai teleskop. Kamera tersebut akan merakam gambar dan secara automatiknya akan menghasilkan gambar di atas piring khas. Ia merupakan satu revolusi perkembangan dalam sejarah dokumentasi di mana sesebuah kejadian penting dapat dirakam dan disaksikan.

Seperti Janssen, Eadweard Muybridge ditaja oleh Leland Stanford, iaitu Gubernur California pada ketika itu untuk membuat suatu kajian tentang kelajuan pergerakan lari seekor kuda. Dengan itu, Muybridge meletakkan kamera beliau di sekeliling padang untuk melihat pergerakan lari kuda tersebut. Akhirnya, beliau dapat mengetahui bagaimana kuda tersebut berlari dengan kencang. Terserlah bahawa daripada dokumen, wujudnya fotografi yang merupakan suatu penceritaan realiti dalam mendokumentasikan sesuatu aksi dalam kehidupan manusia seharian. Pada tahun 1894, kegemilangan dalam industri mula berkembang dengan adanya pencipta mesin visual iaitu, Thomas Alva Edison dan Lumiere Brothers yang menghasilkan ciptaan kamera yang dapat merakam visual bergerak untuk diperkenalkan kepada masyarakat tentang dunia realiti yang bakal dirakam dan dilihat semula oleh mereka. Edison mengeluarkan ciptaan sulung beliau pada 1894 iaitu, *Kinetoscope* dan ia merupakan sebuah kejayaan yang besar dalam penghasilan pertama beliau. Sejurus selepas itu, Lumiere Brothers akhirnya menghasilkan filem dokumentari yang berbentuk realiti dan memaparkan kehidupan realiti sebenar. Pada tahun 1895, Louis Lumiere Brothers telah melancarkan *Cinematographe*, iaitu sebuah kamera bersaiz lima kilogram. Pada ketika itu, ia

merupakan satu kebanggaan di mata dunia dengan penghasilan sebuah kamera “motion” yang dapat merakam pergerakan realiti pada ketika itu. Sejurus itu, pada Mac 1895, Lumiere memperkenalkan filem dokumentari pertama iaitu, *Workers Leaving the Lumiere Factory (La Sortie des Usines)* sekaligus memperkenalkan industri perkilangan di Eropah pada ketika itu.

Kejayaan Lumiere Brothers terserlah dengan penghasilan *Louis Lumiere's Arrival of a Train (L'Arrivee d'un Train en Gare)* yang telah difilemkan di La Ciotat di Selatan Eropah. *Cinematographe*, 1897 telah banyak berkhidmat dengan memberi khidmat yang terbaik dalam menghasilkan visual bergerak sekaligus membuka mata masyarakat untuk melihat realiti dunia sebenar. Sebanyak 750 buah filem telah dihasilkan pada akhir tahun 1897. Ia merupakan satu sejarah dalam permulaan industri filem terhadap pembangunan dan permulaan kepada perfileman industri kini dan selamanya.

1.1 Latarbelakang Kajian

Bentuk (form) atau struktur berkait rapat terhadap pembentukan naratif di dalam dokumentari. Seringkali, bentuk (form) di dalam dokumentari dibincangkan tentang kegunaannya sebagai pembentuk nilai estetika berbanding kegunaannya di dalam dokumentari. Dalam konteks ini, perubahan untuk bentuk (form) di dalam dokumentari adalah tetap (Alan Rosenthal, 1988).

Bentuk (form) dan struktur merupakan nadi kepada dokumentari. Namun, ianya serupa seperti kebanyakan dokumentari yang sering dilihat di kaca televisyen. Apa yang lebih penting adalah isi kandungan (content) yang terdapat di dalam penyampaian dokumentari yang disampaikan. Ini kerana, dokumentari lebih cenderung kepada medium realiti dan

fiksiyen. Persepsi terhadap dokumentari sering dikaitkan dengan fakta dan realiti dan penyampaian yang sama. Dokumentari jenis tradisional (conventional) memberi informasi melalui komenter(suara latar) yang diiringi dengan visual dan imej untuk penonton bagi membolehkan mereka mengetahui isu atau subjek yang disampaikan.

Pada zaman kecanggihan teknologi kini, pelbagai jenis kemudahan yang disediakan untuk para pengkarya untuk menghiasi karya mereka dalam pelbagai jenis medium. Maka, penghasilan dokumentari tidak terhenti disitu dengan menggunakan teknik penyampaian, yang sama. Bentuk(form) dan konteks akan sentiasa kekal di dalam dokumentari. Hanya teknik penyampaian yang akan berubah supaya tampak kepelbagaian dalam mencerminkan pembaharuan dalam pembuatan filem dokumentari. Oleh itu, bentuk, struktur dan konteks dianalisa bagi merevolusikan konteks dan bentuk terhadap persepsi dokumentari kontemporari. Dengan adanya revolusi pembaharuan terhadap bentuk (form) dan struktur di dalam dokumentari, maka, ianya memberi impak terhadap perhatian penonton dengan menghibur sambil memberi ilmu pengetahuan kepada mereka. Definisi terhadap sesuatu perkara akan berubah mengikut arus peredaran zaman seiringan dengan teknologi terkini. Oleh itu, perintis yang berfikiran kreatif dan inovatif, membuka pembaharuan tersebut dalam mencapai suatu kelainan di dalam penyampaian dokumentari. Maka, definisi terhadap dokumentari turut berubah mengikut teknologi sedia ada beserta dengan peningkatan tahap ilmu pengetahuan di kalangan pembikin filem.

Dokumentari mempunyai pelbagai tanggapan dan gaya penyampaian yang berbeza dan ini menyebabkan pelbagai implikasi terhadap *genre* tersebut dan ia sukar untuk ditafsirkan. Pendapat dan pandangan manusia sering berbeza-beza terhadap sesuatu isu, perkara atau benda yang dilihat. Kadang-kala ia dianggap sebagai suatu kebiasaan dan, ada juga yang beranggapan ia adalah suatu yang luar biasa daripada kebiasaan yang dilihat. Oleh

itu, pelbagai maksud, pendapat dan pandangan daripada setiap individu yang melihat, dengan memberi suatu definisi yang mungkin dianggap bernas dan benar terhadap sesuatu isu, perkara atau objek yang dilihat. Maka, tidak semua pandangan manusia adalah sama. Ia bergantung dengan mata yang melihat dan minda yang menterjemahkan apa yang hendak diperkatakan. Gaya penyampaian terhadap dokumentari seharusnya diperluaskan supaya kepelbagaian cara persembahan terhadap dokumentari tidak terhenti dengan menggunakan gaya yang terdahulu yang sering diguna pakai.

Kini, teknologi telah memanipulasi pengaruh media massa dalam menyebarkan sesuatu maklumat dan isu terhadap perkara yang berkaitan tentang dunia hari ini. Dengan itu, kesan pertumbuhan teknologi yang canggih hari ini memberi impak kepada pengguna. Oleh itu, sebagai seorang pengarah mahupun karyawan, mereka seharusnya memilih untuk tampak kreatif dan inovatif dalam menghasilkan karya mereka untuk dipasarkan kepada penonton. Dengan adanya prasarana yang serba canggih, ia mampu membantu industri perfileman tanah air untuk bersaing dengan karya di Negara lain, seperti yang kita sedia maklum, Malaysia kaya dengan pelbagai khazanah dan budaya yang cukup mengagumkan yang boleh diterbitkan kepada Negara lain dengan mendokumentasikan bahan tersebut dengan gaya penyampaian yang kreatif. Dengan pengolahan *mode* dan *convention* dokumentari, ia mampu membentuk suatu identiti baru melalui implikasi isi hati dan perasaan yang diterjemahkan melalui visual dan naratif. Penggubahsuaian ini akan menampakkan lagi keunikan terhadap penyampaian dokumentari. Maka, ia memberi suatu jalan baru terhadap pembikinan dokumentari dalam memperbaharui maksud dan mencari suatu kelainan dalam penyampaian sesuatu subjek.

1.2 Kenyataan Masalah

Disebabkan terdapatnya kepelbagaian pendapat terhadap dokumentari terhasil fahaman yang pelbagai dalam penyampaian sesuatu subjek yang hendak disampaikan. Lanjutan daripada itu, cara pengarahannya akan turut berbeza dan ini akan menyebabkan bentuk (form) dokumentari klasik dicabar. Selain itu, jenis dokumentari klasik ini sering menggunakan *mode* yang sama iaitu jenis *expository* dan ini tidak membawa pembaharuan kepada dokumentari pada masa kini. Filem dokumentari kurang mendapat sambutan daripada masyarakat Malaysia kerana mereka lebih cenderung melihat filem cereka. Kebanyakan individu itu sendiri melihat filem untuk hiburan bukannya menilai dan mengenalpasti keistimewaan mesej yang hendak disampaikan melalui bahasa filem untuk dijadikan mesej dan tatapan individu yang melihatnya. Pembikinan filem dokumentari di Malaysia amat penting, bukan sekadar untuk memenuhi permintaan pasaran, malah lebih menjurus kepada pemuliharaan khazanah bangsa untuk tatapan generasi akan datang.

Disebabkan implikasi pendapat terhadap dokumentari yang berbeza maka, permasalahan terhadap penyampaian dokumentari perlu diambil kira bagi membentuk suatu perubahan alternatif yang tidak mengikut skala dan skema *mode* dan *convention* seperti yang sering kali dilihat kebiasaan di kaca televisyen. Pada tahun 2009 kali ini, Malaysia telah merdeka selama 52 tahun. Tahukah rakyat Malaysia tentang budaya, adat resam dan cara hidup masyarakat yang berbilang kaum yang terdapat di Malaysia? Mungkin tidak bagi sesetengah individu yang mungkin alpa terhadap kenyataan ini. Ada sesetengah mereka menganggap bahawa dokumentari hanya untuk rakaman dan tontonan semata-mata. Mungkin tanggapan sedemikian tidak lagi berlegar-legar di kepala masyarakat masa kini. Dokumentari memberikan informasi malah pendidikan yang bermanfaat buat masyarakat

lebih-lebih lagi tentang budaya, sejarah dan kesenian dahulu kala tentang suku kaum yang berbeza di Malaysia.

Maka di sini, revolusi definisi perfileman dokumentari bukan hanya sekadar pengabdian terhadap tanggapan, dan pendapat pembikin filem dokumentari itu sendiri tapi, ia melibatkan perubahan yang menyeluruh bagi menyempurnakan permasalahan yang membelenggu perfileman dokumentari di Malaysia. Apabila mengenalpasti permasalahan terhadap penonton yang cenderung kepada filem cereka maka, adalah suatu kepastian bagi membentuk sesuatu kelainan dalam penyampaian dokumentari dalam membentuk definisi dan juga mengalternatifkan penggunaan *mode* dan *convention* agar ia tidak disekat cara penggunaannya dengan membentuk suatu penyampaian naratif yang menarik terhadap sesuatu subjek yang didokumentasikan.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah:

- I. Mengklasifikasikan *convention* berdasarkan *mode-mode* dokumentari mengikut Renov Rabieger dan pengarah dokumentari masa kini.
- II. Memperkenalkan teknik alternatif terhadap *conventions* yang akan mengubah bentuk (form) terhadap penyampaian sebuah dokumentari.
- III. Menghasilkan dokumentari yang mengaplikasikan *conventions* alternatif pada teknik yang diperkenalkan

1.4 Persoalan Kajian

Bagaimanakah revolusi teknik alternatif terhadap *conventions* dan *modes* yang diaplikasikan di dalam dokumentari memberi impak kepada bentuk (form), struktur dan konteks di dalam dokumentari terhadap persepsi penonton?

1.5 Kepentingan Kajian

Pengolahan terhadap pembentukkan konteks, bentuk (form), struktur juga berkait rapat terhadap *mode* dan *convention* di dalam dokumentari. Maka, bentuk (form) di dalam dokumentari haruslah dikenalpasti terlebih dahulu dalam menyampaikan suatu bentuk penyampaian yang berlainan kepada penonton. Teknik alternatif yang digunakan terhadap *conventions* harus dilihat kesesuaian penggunaannya terhadap penyampaian yang hendak disampaikan. Menunjukkan kesenian dan kebudayaan di dalam dokumentari, pelbagai elemen dapat disampaikan menerusi *convention* yang sedia ada. Tapi tidak kesemua *conventions* tersebut dapat dimuatkan ke dalam penyampaian. Ini kerana, ia akan mengganggu konsentrasi penonton. Objektif utama dalam menyampaikan subjek di dalam dokumentari harus jelas, nyata dan bersesuaian dengan konteks, bentuk (form) yang dipilih. Dengan adanya kajian ini, dokumentari tidak lagi dilihat seperti dokumentari klasik yang tidak mengalami perubahan. Setelah sekian abad kita melalui pembangunan maka, inilah masanya untuk kita berubah dengan merevolusikan suatu capaian penyampaian alternatif yang mampu membuka ruang kepada pembikin filem dokumentari dalam menghasilkan sesuatu yang baru untuk penonton masa hadapan.

Menerusi teknologi sedia ada ia membantu merealisasikan rakaman dokumentari bagi mencipta suatu keberkesanan realiti visual bergerak dan kenyataan bunyi, diinterpretasikan menjadi sebuah cereka naratif dokumentari. Pengarah dan karyawan dapat memilih untuk memanipulasikan gaya pengarah dokumentari secara *non-linear* dengan menerapkan pelbagai elemen dalam menyampaikan isu atau subjek yang hendak disampaikan, tetapi masih lagi mengekalkan fakta sedia ada. Dokumentari bukan sahaja merakam realiti dan fakta sedia ada tetapi, ia melalui pemerhatian dan kajian secara terperinci bagi membuahkan hasil suatu produk dokumentari yang memberikan suatu kelainan dalam penyampaian *mode* dan *convention*. Walaupun, rakaman dokumentasi yang bersahaja, penyampaian terhadap subjek mampu memberi kesan dengan adanya visual dan bunyi yang menarik dan menampakkan realiti secara menyeluruh, maka ia mampu memberi kesan kepada penonton.

Kesan daripada itu, dokumentari merupakan suatu medium untuk penyampaian hasrat mahupun pendapat. Isu dan subjek juga memberi kesan kepada masyarakat dan individu untuk mengenali sejarah, kebudayaan, kesenian dan persekitaraan sekeliling tentang tempat-tempat menarik dan tempat yang terpencil mengenai kaum, adat resam dan sebagainya. Dokumentari banyak menyingkap perpaduan dalam menyatukan masyarakat dan juga sebagai sumber ilmiah dan rujukan di masa hadapan. Kefahaman dan kesedaran masyarakat dapat dipupuk melalui filem dokumentari yang merupakan suatu medium ilmiah dan ia merupakan suatu titik permulaan untuk membuka minda masyarakat kini, yang kurang tahu tentang asal usul mereka dan juga warisan kesenian yang ditinggalkan oleh nenek moyang mereka terdahulu kini diabadikan sebagai satu sejarah untuk mengembalikan peringatan kepada mereka yang telah banyak berjasa dalam

membangunkan dan mempertabatkan seni dan warisan ke persada antarabangsa hingga kini.

1.6 Skop Kajian

Skop kajian tertumpu kepada pengolahan terhadap pembentuk konteks, bentuk (form), dan struktur yang berkait rapat terhadap *mode* dan *convention* di dalam dokumentari. Bentuk (form) dan struktur di dalam dokumentari klasik, sering kali dilihat serupa penyampaiannya, cuma berbeza dari segi subjek dan isu yang ditekankan. Mendefinisikan dokumentari sebagai sebuah bentuk (form), genre atau jenis sosial yang tertentu, mewakili kepada realiti di dalam sesebuah isu atau subjek. (Bill Nichols, 2001). Penggunaan *modes* yang digabungkan secara alternatif dan *conventions* dipilih mengikut kesesuaian, mencerminkan suatu pembaharuan yang berbeza daripada dokumentari klasik yang lebih menekankan kepada penggunaan *modes* (expository) yang seragam pada keseluruhan dokumentari dan *conventions* yang serupa. Gaya penyampaian dengan penerapan teknologi penyuntingan dan diaplikasikan dalam dokumentari, menampilkan kreativiti terhadap penyampaian dokumentari sebagai medium pembelajaran dan merupakan satu identiti penyampaian alternatif yang baru untuk dipertontonkan kepada masyarakat.

Walaupun bagaimanapun, dengan merevolusikan bentuk, konteks dan struktur memerlukan kreativiti yang ada, sebagai pengkarya filem mereka harus akur dengan fakta dan realiti yang telah sedia ada. Oleh itu, dengan merevolusikan dokumentari, fakta dan realiti akan tetap dipelihara walaupun struktur berubah dalam menyampaikan sesuatu isu supaya ia

tampak menarik dan tidak membosankan. Perkembangan filem dokumentari di Malaysia mampu memperkenalkan pelbagai isu dan subjek kepada dunia tentang keindahan budaya dan masyarakat disekelilingnya. Warisan tentang kesenian budaya adalah suatu kekaguman bagi rakyat Malaysia. Maka, dokumentari adalah medium saluran penyebaran maklumat terhadap pendokumentasian warisan sebegini. Maka, dengan penerapan pengolahan terhadap pembentukkan konteks, bentuk (form), dan struktur di dalam dokumentari ia mampu memberi persepsi yang berbeza kepada penonton.

Seperti gaya pengarahannya Amir Muhammad di dalam filem dokumentari beliau, *The Big Durian* (2003), yang menyentuh tentang isu propaganda di Kuala Lumpur pada Oktober 1987. Beliau memberi suntikan baru dalam pengarahannya dan penyampaian dokumentari. Masih mengekalkan realiti tapi mampu memberi penonton teruja dan menarik perhatian dalam menyampaikan dokumentari berbentuk fakta.

Dengan pengolahan terhadap konteks, bentuk (form), dan struktur di dalam dokumentari, akan mewujudkan pembentukkan baru di dalam gaya pengarahannya dan penyampaian alternatif terhadap *mode* dan *convention* yang akan memberikan persepsi yang berbeza kepada para penonton. Oleh itu, subjek, kumpulan sasaran, *mode*, dan *convention* dikenalpasti dalam memberikan suatu perbezaan terhadap perkembangan filem dokumentari.

1.6.1 Subjek

Isu di dalam dokumentari kontemporari sering dikaitkan dengan isu propaganda berbanding dengan isu budaya dan kesenian masyarakat. Ini kerana kebudayaan dan